

01 JUN 2000

Mahathir-Kompetitif

INDUSTRI PELANCONGAN M'SIA LEBIH KOMPETITIF DARIPADA S'PURA

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata industri pelancongan Malaysia boleh menjadi lebih kompetitif daripada Singapura kerana kos tanggungan yang rendah di negara ini.

Malaysia dan kedai-kedai bebas cukainya adalah lebih kompetitif daripada Singapura memandangkan kos sara hidup di republik itu lebih tinggi.

"Sebuah rumah di Singapura mungkin berharga S\$1 juta sedangkan di Malaysia, harganya ialah kira-kira RM300,000," kata beliau dalam temuramah di sini dengan majalah antarabangsa "Duty-free News International" yang berpusat di United Kingdom dan juga media tempatan.

Dr Mahathir berkata, malahan rakyat Singapura juga melabur dalam sektor hartanah di negara ini sambil berkata Malaysia berhasrat untuk menjadi kompetitif yang mungkin dalam industri itu dan dalam hubungan ini, pihak-pihak berkuasa berkenaan juga berharap untuk menurunkan lagi harga.

Mengenai kurangnya promosi pelancongan, Dr Mahathir bersetuju bahawa usaha yang dilakukan oleh Malaysia belum cukup selepas menghadapi kegawatan selama lebih dua tahun dan memandangkan ekonomi sekarang telah pulih, kerajaan akan meningkatkan usaha ke arah itu.

Dr Mahathir berkata pelabur sekarang mula melabur dalam sektor ini tetapi amat malang sekali bahawa pelancong asing tidak mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Malaysia terutama Langkawi yang mempunyai pantai yang indah.

"Ramai yang tidak tahu bahawa Langkawi ialah zon bebas cukai kerana keseluruhan 99 pulau adalah bebas cukai. Sebab itulah, mengapa kita tidak mempunyai banyak kompleks membeli-belah yang menawarkan barangan bebas cukai," kata beliau.

"Satu lagi sebab ialah sesetengah pengusaha mempunyai kecenderungan untuk menjual pada harga tinggi kerana ejen mereka berada di negara lain yang mengenakan sekatan harga yang menyebabkan kita kurang kompetitif," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata dengan pembukaan Perkampungan Oriental di sini, tanggapan itu mungkin berubah kerana pengusaha akan mengimport terus dan menjualnya pada harga lebih kompetitif kerana kos sara hidup di Malaysia adalah rendah.

"Dengan adanya kompleks ini, pengusaha boleh menjual barangan pada harga lebih murah", kata beliau.

Perdana Menteri berkata skala upah di negara ini adalah rendah dan begitu juga dengan harga pengguna yang rendah, jadi rakyat berkemampuan untuk membeli-belah.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai pembangunan satu atau dua pulau di pantai timur dengan kerajaan akan mengeluarkan perbelanjaan bagi pembangunan infrastruktur.

"Kita mahu Malaysia bukan sahaja mudah dihubungkan tetapi bergerak di negara ini juga mudah dan tiada sekatan memandangkan Malaysia adalah negara yang selamat untuk dilawati," kata beliau.

-- BERNAMA

NH/MZM FAZ